

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 16 JULAI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1142-L3384  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan purata kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi seorang pelatih pusat serenti, jumlah pelatih pusat serenti di seluruh negara serta keberkesanan sistem pusat serenti ini.
2. PN-1142-L3375  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mekanisme atau sistem yang lebih berkesan di dalam mengesan dan bertindak terhadap peniaga yang menaikkan harga barang walaupun dengan bilangan penguat kuasa yang kecil dan bilangan premis/individu yang telah diambil tindakan dalam gerakan "Ops Gaji".
3. PN-1142-L2957  
**Puan GK Loga Chitra** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah proaktif yang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah banjir yang sering berulang.
4. PN-1142-L3459  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menambahkan bilangan tenaga pekerja yang mempunyai kemahiran dan kompetensi ICT sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memantapkan lagi pembangunan sektor ICT negara supaya Malaysia menjadi hab ICT dan multimedia yang bertaraf dunia.

5. PN-1142-L2944  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru-guru bahasa isyarat untuk pelajar-pelajar pekak di seluruh negara di mana sejumlah dana telah pun diperuntukkan untuk penambahan guru-guru bahasa isyarat di bawah Bajet 2007.
6. PN-1142-L3285  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tempoh Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memulangkan hampir RM4 bilion cukai terlebih bayar oleh 380,000 orang pembayar cukai pada tahun 2006 dan bagaimana pula dengan cukai terlebih bayar sebelum 2006.
7. PN-1142-L3248  
**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mempercepatkan proses mendapatkan Sijil Organik Malaysia (SOM) memandangkan petani organik memerlukan SOM bagi membolehkan produknya dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada produk pertanian biasa.
8. PN-1142-L3081  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah koperasi kaum India setakat ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempergiatkan penglibatan kaum ini dalam pergerakan koperasi memandangkan perniagaan yang diceburi oleh koperasi bukan sahaja memenuhi kehendak dan keperluan ahli mereka sahaja, tetapi juga akan dapat bantu Kerajaan dari segi membasmi kemiskinan dan wujud peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat.
9. PN-1142-L3645  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam membasmi kegiatan Ah Long di negara ini, kenapakah ada akhbar-akhbar yang masih mengiklankan pinjaman-pinjaman segera yang lebih cenderung ke arah pinjaman dengan Ah Long. Apakah tindakan Kerajaan dalam membasmi iklan-iklan ini.
10. PN-1142-L3660  
**Dato' Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah bentuk kejayaan strategik yang telah diperolehi lanjutan daripada pertemuannya dengan Presiden Rusia, Vladimir V. Putin baru-baru ini khasnya menyentuh isu kepentingan bersama dalam bidang pertahanan dan ekonomi serta apakah harapan kita untuk melihat Kerajaan Russia turut memainkan peranan bagi mewujudkan keamanan di rantau itu menyentuh isu rakyat Palestin.

11. PN-1142-L3409  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu pelan Insurans Kesihatan untuk pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran di luar negara sebagai persediaan sekiranya mereka menghadapi masalah kesihatan apabila berada di sana.
12. PN-1142-L3515  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakah kebanyakan daripada pemilihan pegawai untuk kenaikan pangkat bagi jawatan pengetua atau guru besar dan juga pegawai di peringkat jabatan mahupun Kementerian ditawarkan kepada mereka yang tempoh perkhidmatan telah hampir tamat (bersara) dan tidak kepada mereka yang berpotensi serta berkelayakan yang masih mempunyai jangkaan khidmat yang masih panjang.
13. PN-1142-L3173  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan isu kenaikan harga di kedai makanan India Muslim hangat diperdebatkan di mana pemantauan demi pemantauan dibuat oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini namun mengapakah harga yang tinggi di restoran-restoran makanan segera serta hotel-hotel tidak mendapat perhatian dari pihak Kementerian.
14. PN-1142-L3639  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil Kementerian bagi memastikan pengusaha kantin sekolah dan asrama menjaga kualiti makanan yang disediakan tanpa hanya memikirkan keuntungan semata-mata memandangkan dewasa ini banyak kes keracunan makanan di kalangan pelajar.
15. PN-1142-L3666  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Malaysia mempunyai institusi atau pusat latihan kemahiran untuk melatih belia-belia bekerja dalam sektor yang dimonopoli oleh pekerja asing. Tidak adakah pendekatan yang praktikal untuk menyerap tenaga mahir dari rakyat tempatan daripada mengambil pekerja asing.
16. PN-1142-L3492  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat ini berapa banyak syarikat atau individu yang telah berjanji untuk melabur dalam Projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dan berapa jumlah pelaburannya.

17. PN-1142-L3070  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan mendapat pandangan daripada mana-mana pihak tentang penggunaan nama yang sepatutnya bagi Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia dan sejauh mana penggunaan nama Bahasa Malaysia menjejaskan maruah serta imej orang Melayu sebagai satu bangsa yang merdeka seperti disuarakan oleh beberapa pihak.
18. PN-1142-L3428  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengkaji undang-undang khusus untuk menangani penghidu-penghidu gam/gas methane dan sebagainya (yang turut melibatkan banyak kanak-kanak di bawah umur) yang belum dapat ditangani secara berkesan kerana kekurangan peruntukan undang-undang yang khusus.
19. PN-1142-L3400  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sokongan terhadap pelantikan wakil belia di Dewan Negara bagi mewakili pandangan golongan ini di Parlimen.
20. PN-1142-L3298  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan kempen mengurangkan penggunaan beg plastik seperti di kebanyakan negara barat sebagai langkah penjagaan alam sekitar. Bagaimanakah sampah toksik dilupuskan dalam negara dan di manakah pusat pelupusan toksik tersebut.
21. PN-1142-L3581  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan seseorang individu yang ingin membeli sebuah rumah berharga RM100,000 dan hendak meminjam wang dari Bank Islam. Harga rumah itu akan menjadi RM300,000 dengan membayar balik pinjaman tempoh 20 tahun, tetapi selepas tiga tahun peminjam akan selesai pinjamannya, di mana pinjaman di bawah bank biasa ada sedikit penalti yang dikenakan. Adakah penalti di bawah Bank Islam dan bagaimanakah pengiraannya.
22. PN-1142-L3000  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kerajaan memantau prestasi kerja syarikat-syarikat Malaysia yang telah mendapat kontrak di luar negara. Nyatakan jumlah nilai kontrak yang diperolehi sepanjang tempoh 2006-2007.

23. PN-1142-L3234  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah syarikat insurans menawarkan liputan bagi kenderaan yang terlibat dalam bencana alam seperti banjir yang sering kali berlaku di bandar-bandar utama.
24. PN-1142-L3463  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan kepada tenaga kerja yang diambil daripada Filipina dan Indonesia tidak mengikut peraturan yang ditetapkan, di mana terdapat pekerja asing yang bekerja di sektor perladangan dan di sektor binaan berdepan dengan masalah pekerja lari daripada tempat kerja.
25. PN-1142-L3354  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilangan kakitangan awam yang mengambil Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan tahap pencapaian kelulusan mulai tahun 2004-2006; dan
  - (b) berdasarkan statistik berapakah bilangan kakitangan yang mencapai tahap kelulusan cemerlang dan dinaikkan pangkat mengikut kategori perkhidmatan.
26. PN-1142-L3436  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa kalikah kejadian banjir kilat di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepanjang tahun 2005 dan 2006, berapakah jumlah kerugian dan apakah punca-punca sebenar kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur pada 10hb. Jun 2007.
27. PN-1142-L2964  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan senarai SJK(C) yang telah berhenti operasi atau tutup, senaraikan SJK(C) yang baru setiap tahun dari tahun 2002 hingga 2007, sila nyatakan tempat SJK(C) dalam senarai itu.
28. PN-1142-L3330  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan diadakan bagi tahun 2005 dan 2006 dan bilangan pegawai yang gagal dalam peperiksaan tersebut.

29. PN-1142-L3574  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperluaskan konsep "Taman Kekal Pengeluar Makanan" (Permanent Food Parks) di bawah RMK-9 dapat merangkumi kawasan pekebun-pekebun tanpa izin yang sedia wujud sebagai langkah untuk menjamin pengeluar makanan yang mencukupi untuk rakyat Malaysia dan generasi-generasi akan datang.
30. PN-1142-L3491  
**Datuk Chew Yun Ming** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan ekoran daripada pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam, terdapat banyak harga barangan telah melonjak naik. Kementerian hanya mampu bertindak ke atas kesalahan tidak meletakkan tanda harga tetapi peniaga masih bebas menaikkan harga barangan terkawal. Adakah Kerajaan bercadang mengkategorikan semua harga makanan yang telah dimasak (yang mana sumber bahan mentahnya adalah terdiri daripada bahan terkawal), sebagai bahan terkawal.
31. PN-1142-L3147  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebarang peruntukan khas untuk membina sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil yang uzur dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.
32. PN-1142-L3174  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah arahan dikeluarkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk membersihkan longkang dan parit mengikut jadual memandangkan longkang dan parit yang tersumbat telah menyumbang kepada kejadian banjir kilat di kawasan bandar dan pekan. Pada masa ini hujan turun tidak menentu akibat perubahan cuaca dan banjir boleh berlaku bila-bila masa.
33. PN-1142-L3159  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kegiatan para peniaga menaikkan harga barangan setiap kali kakitangan awam mendapat bonus atau terbaru kenaikan gaji kian bertambah dan membimbangkan. Apakah tindakan yang dikenakan terhadap peniaga-peniaga yang masih ingkar menurunkan harga walaupun Kementerian telah mengenakan tindakan kompaun sebelum ini terhadap peniaga yang degil.

34. PN-1142-L3536  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan rakyat Malaysia mempunyai "financial security" bila sudah tua memandangkan jangka hayat wanita sekarang adalah 76 tahun dan lelaki 72 tahun. Juga memandangkan fakta bahawa 90% yang membayar EPF mempunyai kurang dari RM100,000 dalam akaun mereka yang tidak mencukupi untuk mereka hidup 20 tahun lagi dan 70% pesara menggunakan kesemua wang EPF mereka dalam masa 3 tahun.
35. PN-1142-L3457  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian mengenai lambakan majalah asing yang semakin berleluasa di negara ini kerana ia boleh menyebabkan keruntuhan moral terhadap belia-belia di negara ini.
36. PN-1142-L3318  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di semua Sekolah Kebangsaan terutamanya di kawasan luar bandar seluruh negara.
37. PN-1142-L3129  
**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah penyelesaian konkrit terhadap masalah kandungan makanan segera yang tidak menyihatkan.
38. PN-1142-L3191  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pendatang asing yang berada di negara ini dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini dan nyatakan juga statistik ini mengikut pecahan negara asal pendatang tersebut memandangkan jumlah kemasukan pendatang asing ini kian bertambah dari masa ke semasa.
39. PN-1142-L3585  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah akan ada standard atau garis panduan yang khusus serta langkah penguatkuasaan yang tegas kepada setiap pengusaha kantin bagi mengelakkan isu keracunan makanan berulang serta adakah pihak Kementerian akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan di dalam menghadapi isu keracunan makanan di sekolah-sekolah.

40. PN-1142-L3112  
**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) mengenai kumpulan anti hadis yang kembali aktif di negara ini; dan
  - (b) sejauh mana JAKIM memantau dan mengenal pasti mereka yang terbabit.
41. PN-1142-L2995  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah langkah-langkah ataupun rancangan yang akan dilaksanakan bagi membangunkan hasil kraf tangan dan kesenian di Sarawak secara komersial terutama sekali di kalangan golongan wanita dan pemuda yang berpotensi yang berada di kawasan luar bandar di mana hasil kerja mereka ini akan membantu menambahkan hasil pendapatan bulan mereka.
42. PN-1142-L3311  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan senarai aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan dilancar untuk meraikan Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini.
43. PN-1142-L3602  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa peratuskah tahap penjualan kereta Proton jika dibandingkan dengan penjualan keseluruhan kereta/kenderaan dalam negara sehingga 2006 serta apakah langkah strategik yang telah diambil bagi meningkatkan tahap keyakinan pelanggan terhadap kereta Proton.
44. PN-1142-L3092  
**Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekian lama Kerajaan telah mewujudkan kontraktor Kelas F kepada kaum Bumiputera. Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan peluang yang sedemikian kepada bukan Bumiputera khususnya kepada kaum India di negara ini.
45. PN-1142-L2959  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kejadian kemalangan kereta terjun dari jalan raya yang "elevated" seperti yang berlaku di Lebuhraya NKVE antara Sungai Buloh dan interchange Jalan Duta pada bulan April dan Jun 2007, apakah kriteria memilih penggunaan konkrit, "guard rail" atau "hand rail" di dua tepi lebuhraya, apakah spesifikasi pagar untuk "elevated" lebuhraya, jalan raya atau jambatan untuk mengelakkan kereta dari terjun ke sungai atau tanah bawah yang boleh mendatangkan maut.

46. PN-1142-L3008  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan usaha RTM untuk mengatasi kekurangan filem dokumentari yang mampu meningkatkan kefahaman sejarah dan membangkitkan semangat patriotisme. Apa peranan Filem Negara dan insentif untuk syarikat swasta yang menerbitkannya.
47. PN-1142-L3538  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan rasionalnya mewujudkan Akademi Penguat Kuasa yang akan menelan belanja kira-kira RM60 juta.
48. PN-1142-L3015  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bantuan dan insentif Kerajaan dalam memperkuat persatuan pengguna di Malaysia khususnya meningkatkan kesedaran kepenggunaan demi memerangi masalah kenaikan harga barangan.
49. PN-1142-L3273  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan setakat ini bagi membendung kenaikan harga barang dan apakah jenis barangan yang telah dibenarkan kenaikan harganya sejak pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam baru-baru ini.
50. PN-1142-L3213  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) berapa ramai setakat ini telah menjadi pelatih PLKN; dan
  - (b) adakah ditubuhkan unit pemantauan bagi memantau kegiatan para pelatih selepas selesai menjalani latihan di PLKN.
51. PN-1142-L2987  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah yang akan diambil bagi memastikan bahawa harga barangan tidak akan naik dengan mendadak selepas Kerajaan mengumumkan kenaikan gaji para pekerja sektor awam baru-baru ini.

52. PN-1142-L3053  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah garis panduan terkini yang diguna pakai oleh FINAS selepas pelancaran Islam Hadhari dalam mendidik akhlak dan minda masyarakat khususnya kepada artis dan penerbit filem dalam merealisasikan artis sebagai pendidik masyarakat.
53. PN-1142-L3132  
**Tuan Chiu Tiang Chai** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian untuk memperkasakan Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya badan ini dapat memantau, menyelaras dan menilai segala dasar, perundangan, peraturan, garis panduan dan perkhidmatan agar dipatuhi oleh sektor-sektor yang terlibat dengan JAS dengan lebih berkesan lagi.
54. PN-1142-L3369  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan statistik pegawai pasukan "Polis Senoi Praq" dan apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi penambahbaikan fungsi dan skim perkhidmatannya.
55. PN-1142-L3055  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan-pendekatan yang akan digubal bagi memastikan Misi 2057 atau pengisian "50 Tahun Kedua Kemerdekaan" dapat dicapai dengan jayanya.
56. PN-1142-L3220  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jangkaan penurunan kadar kemiskinan di Sabah yang mana pada masa ini 23% apabila berakhirnya Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10 nanti.
57. PN-1142-L3351  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil Kementerian bagi memastikan sumber air di negara ini tidak tercemar oleh sisa-sisa buangan bahan pepejal ataupun cecair.
58. PN-1142-L3616  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha untuk mempertingkatkan lagi minat rakyat untuk menggunakan perkhidmatan Komuter, LRT, Monorel dan Rapid KL dan seterusnya usaha untuk mereka memahami konsep kongsi kereta bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas.

59. PN-1142-L3038  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilangan undi rosak dan undi hilang direkodkan dalam Pilihan Raya Umum ke 10 dan 11 dan dalam pilihan raya kecil dalam tempoh tersebut mengikut negeri ; dan
  - (b) apakah langkah dan tindakan yang telah dibuat kepada pemilih berdaftar untuk mengatasi kesalahan ketika proses undian dibuat memandangkan jumlah undi rosak dan hilang sentiasa berulang.
60. PN-1142-L3607  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Doktor Pakar Melayu yang masih berkhidmat di hospital Kerajaan dan apakah sebab-sebab utama mereka akan beralih ke tempat lain apabila menerima tawaran yang lebih lumayan. Di manakah semangat mereka untuk membantu bangsa sendiri dan apakah tawaran yang lumayan itu melebihi dari pengorbanan terhadap negara.
61. PN-1142-L3549  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa ramaiakah penjual/pekedai yang telah diambil tindakan menaikkan harga barang selepas Kerajaan menyiarkan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan tempoh hari.
62. PN-1142-L3562  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan punca utama penurunan mendadak jumlah penduduk luar bandar sehingga lebih 50% dalam tempoh 35 tahun seperti yang telah disebut oleh Timbalan Menteri baru-baru ini.
63. PN-1142-L3451  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian akan memberikan elaun sara hidup khas kepada petani dan nelayan bagi mengimbangi kenaikan gaji kakitangan awam.
64. PN-1142-L3553  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Malaysia telah bersedia untuk menghadapi ancaman keselamatan sekiranya Selat Melaka diserang oleh pengganas seperti mana yang diramalkan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan sempena Mesyuarat Tiga Tahun Keenam Biro Maritim Antarabangsa mengenai kegiatan melanun dan keselamatan maritim.

65. PN-1142-L3109  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mewujudkan suatu "news network" 24 jam yang melapor dan menyampaikan berita negeri-negeri yang terkini, tepat dan mutakhir sesuai dengan slogan RTM sendiri.
66. PN-1142-L3525  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan secara keseluruhan mengikut negeri yang telah dilaksanakan setakat ini di bawah RMK-9 bagi membangunkan sektor bioteknologi negara.
67. PN-1142-L3526  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terjadinya kejadian tanah runtuh, bangunan rosak dan jalan tidak berkualiti di negara berpunca dari kurangnya pemantauan atau pengawasan yang dilakukan oleh pegawai Kementerian atau tiada kecekapan/kemahiran tentang bidang kerja oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan.
68. PN-1142-L3027  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada persatuan-persatuan yang mewakili satu-satu kaum minoriti dalam negara kita seperti Persatuan Siam Malaysia di dalam terus memartabatkan warisan bangsa ini.
69. PN-1142-L3594  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah perancangan yang telah dan akan dilakukan Kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong dari Asia Barat untuk melancong ke Malaysia semasa musim panas di negara mereka.
70. PN-1142-L3151  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan siswazah yang diambil bekerja oleh 10 syarikat GLC terpenting dan nyatakan anak-anak syarikat itu dari tahun 2001-2005.
71. PN-1142-L3257  
**Tuan Munusamy a/I Mareemuthu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mengeluarkan garis panduan bagi pelajar-pelajar IPTS berkenaan dengan kursus-kursus yang layak menerima pinjaman PTPTN.

72. PN-1142-L3100  
**Dato' Ismail bin Kasim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kebaikan dan keburukan yang dibawa kepada pertumbuhan ekonomi negara kita setelah kenaikan nilai ringgit berbanding Dolar AS dan selepas pemansuhan kadar tukaran dilaksanakan Kerajaan.
73. PN-1142-L3124  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada peraturan disiplin di sekolah-sekolah yang sedia ada tidak membela guru, menyebabkan guru-guru bersikap lepas tangan dan kecewa seterusnya mengakibatkan masalah disiplin semakin tak terkawal.
74. PN-1142-L3277  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan harga minyak dan gas di pasaran dunia telah pun turun apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula untuk menurunkan harga minyak dan gas tempatan bagi mengelakkan harga barangan terus meningkat naik.
75. PN-1142-L3317  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil pandangan penghuni-penghuni di sekeliling kawasan Bukit Damansara sebelum meluluskan projek-projek tertentu di Milenium Square dan adakah projek berkenaan masih akan diteruskan.
76. PN-1142-L2960  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan 5 jenis penyakit yang mengalami peningkatan kes yang paling tinggi dalam tempoh 10 tahun ini dan tindakan Kementerian untuk menangani masalah ini.
77. PN-1142-L3381  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah Industri Kecil dan Sederhana (IKS) milik wanita dalam IKS yang berteraskan produk Satu Daerah Satu Industri di Selangor.
78. PN-1142-L3442  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian agar kerjasama dalam latihan antara negara dapat memberi kesan positif kepada hubungan dua hala terutama sektor pelancongan.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |    |                |                                                                                                                                                                                                                |                               |
|----|----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 23/2007) | Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007 - <b>Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.</b><br><b>(12 Julai 2007)</b> |                               |
|    |                | <b>[Menteri Pengangkutan]</b>                                                                                                                                                                                  |                               |
| 2. | (D.R. 24/2007) | Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007<br><b>[Menteri Pengajian Tinggi]</b>                                                                                                                         | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3. | (D.R. 18/2007) | Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007<br><b>[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]</b>                                                                                                          | “                             |
| 4. | (D.R. 19/2007) | Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007<br><b>[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]</b>                                                                                        | “                             |
| 5. | (D.R.15/2007)  | Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007<br><b>[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]</b>                                                                                              | “                             |
| 6. | (D.R.21/2007)  | Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007<br><b>[Perdana Menteri]</b>                                                                                                                               | “                             |
| 7. | (D.R.25/2007)  | Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007<br><b>[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]</b>                                                                                       | “                             |
| 8. | (D.R.26/2007)  | Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007<br><b>[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]</b>                                                                            | “                             |

- |     |               |                                                                                                                   |                               |
|-----|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 9.  | (D.R.27/2007) | Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007<br><b>[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]</b>           | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 10. | (D.R.28/2007) | Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007<br><b>[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]</b>   | “                             |
| 11. | (D.R.29/2007) | Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007<br><b>[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]</b> | “                             |
| 12. | (D.R.36/2007) | Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2007<br><b>[Perdana Menteri]</b>                                        | “                             |
| 13. | (D.R.34/2007) | Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007<br><b>[Menteri Kewangan]</b>                                         | “                             |
| 14. | (D.R.35/2007) | Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2007<br><b>[Menteri Kewangan]</b>                                            | “                             |
| 15. | (D.R.31/2007) | Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 2007.<br><b>[Menteri Kewangan]</b>                                    | “                             |

16. PN-1142-U3023

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan hendaklah menyediakan kajian yang lebih bersepadu untuk mengatasi secara menyeluruh masalah banjir di Kuala Lumpur. Masalah banjir kilat yang berulang-ulang bukan sahaja mengganggu keselesaan hidup warga kota tetapi mendatangkan kesan buruk terhadap industri pelancongan di Malaysia. Satu jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menyelaraskan kajian tersebut."

**(Menteri Wilayah Persekutuan)**

17. PN-1142-U3024

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mestilah merombak kembali kaedah pemberian projek untuk kontraktor kelas F yang diamalkan di pejabat-pejabat JKR Daerah sekarang ini. Sistem undi adalah lebih sesuai digunakan untuk memilih kontraktor yang sudah di 'shortlisted'. Ini dapat mengujudkan ketelusan di kalangan para kontraktor yang disenaraikan tetapi sukar mendapat kerja kerana kaedah memilih di kalangan mereka yang tersenarai itu sering tidak konsisten dan berubah-ubah".

**(Menteri Kerja Raya)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.125	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Julai 2007
ST.126	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Julai 2007
ST.161	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	16 Julai 2007